

BERHENTILAH BANDINGKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN ANAK-ANAK

Oleh: Raihanatu Solihah binti Zuhairi, 1171230

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 16 April 2020



Anak-anak berasa dihargai apabila ibu bapa sanggup meluangkan masa bersama mereka.

Setiap kali keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, pasti kedengaran suara sebahagian ibu bapa membandingkan keputusan yang diterima anak mereka dengan dengan anak-anak orang lain.

Tanpa disedari, perbuatan itu mungkin menyebabkan anak-anak yang beroleh keputusan kurang memuaskan berasa kecil hati dan perasaan mereka tergores. Pada pandangan anak-anak, mereka telah melakukan yang terbaik mengikut kemampuan masing-masing.

Keputusan peperiksaan yang kurang cemerlang tidak seharusnya menjadi alasan bagi ibu bapa mewajarkan tindakan mereka membandingkan anak sendiri dengan anak orang lain. Tiada sesiapa pun menginginkan kegagalan.

Walau apa pun keputusan peperiksaan yang diterima oleh anak-anak, hargailah usaha mereka. Sekurang-kurangnya tuturkanlah kata-kata yang boleh merangsang dan melonjakkan semangat agar mereka berusaha lebih gigih pada masa hadapan.

Setiap anak inginkan perhatian daripada ibu bapa mereka. Namun, bukan semua anak mempunyai kecerdasan yang boleh membanggakan ibu bapa mereka melalui keputusan peperiksaan yang diterima.

Seperti yang pernah disarankan oleh Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Kamal Affandi Hashim, ibu bapa perlu menghentikan perbuatan membanding-bandingkan anak mereka dengan anak orang lain. Sebaliknya mereka perlu meyakinkan anak-anak untuk menerima diri mereka seadanya dan menghargai apa yang mereka lakukan.

Beliau turut mendakwa, perbuatan itu boleh menyebabkan anak-anak berasa diri mereka tidak dihargai oleh orang yang rapat dengan mereka. Lebih membimbangkan, anak-anak akan berasa marah dan kecewa sehingga mendorong mereka lari dari rumah.

Sementara itu, seorang ahli psikologi di Amerika Syarikat, Profesor Carol Dweck dalam kajiannya menyatakan, anak-anak yang menerima pujian atas usaha mereka lebih cenderung memilih ujian yang sukar apabila diberi pilihan.

Namun, mereka tidak kecewa apabila gagal menyelesaikannya bahkan berjaya memperbaiki markah setelah mereka diberi peluang menyelesaikan ujian yang sama. Perkara yang sebaliknya berlaku terhadap anak-anak yang dipuji atas kebijaksanaan mereka.

Kajian tersebut memfokuskan anak-anak dalam menangani cabaran dengan lebih efektif dan mendapati pujian atas usaha mereka jauh lebih berkesan daripada pujian atas kebijaksanaan mereka. Dapat diperhatikan bahawa anak-anak sebenarnya sangat mengharapkan pujian yang boleh merangsang mereka untuk berusaha lebih gigih.

Sehubungan itu, ibu bapa perlu menghentikan amalan memarahi atau membandingkan anak sendiri dengan anak orang lain apabila keputusan peperiksaan yang diperolehi tidak cemerlang seperti yang diharapkan.

Ibu bapa pula seharusnya menerima hakikat bahawa setiap anak ada kelebihan masing-masing. Mungkin anak mereka tidak cemerlang dalam pelajaran tetapi dia berbakat besar dalam bidang lain seperti sukan atau penulisan.

Perbuatan membandingkan keputusan peperiksaan anak-anak hanya akan menyebabkan mereka yang kurang cemerlang berasa lemah semangat dan tidak dihargai. Bimbinglah anak-anak sebaik-baiknya agar mereka dapat mengoptimumkan potensi diri melalui bakat dan kebolehan yang dimiliki.



Membantu anak menyelesaikan kerja sekolah dapat mengeratkan kasih sayang.